

EDITOR, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

PESURUHJAYA KANAK-KANAK MENYAMBUK BAIK PELAKSANAAN UNDANG-UNDANG YANG MEMBERI KEWARGANEGARAAN AUTOMATIK KEPADA ANAK YANG DILAHIRKAN DI LUAR NEGARA OLEH IBU WARGANEGARA MALAYSIA PADA PERTENGAHAN 2026

KUALA LUMPUR (10 JANUARI 2026) - Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak (OCC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) menyambut baik pengumuman oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, bahawa anak-anak yang dilahirkan di luar negara oleh ibu warganegara Malaysia akan memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik menjelang Jun atau Julai 2026.

Pengumuman ini menyusuli kelulusan Rang Undang-Undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) berkaitan peruntukan kewarganegaraan pada Oktober 2024 dan merupakan satu langkah penting dalam menangani ketidaksemaan yang telah lama berlarutan dan menjejaskan hak kanak-kanak terhadap kewarganegaraan.

Walaupun OCC menyambut baik perkembangan ini, pindaan tersebut tidak terpakai kepada kes terdahulu. Oleh itu, kanak-kanak yang dilahirkan sebelum tarikh pelaksanaan perlu terus diberikan kewarganegaraan Malaysia melalui pendaftaran di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan. Tiada kanak-kanak wajar dinafikan hak kewarganegaraan akibat kelewatan pelaksanaan undang-undang ini.

OCC turut menghargai penurunan ketara jumlah tunggakan permohonan kewarganegaraan, daripada kira-kira 50,000 kes kepada kurang daripada 4,000 kes sejak Menteri Dalam Negeri mula memegang jawatan pada tahun 2022, ini juga termasuk kes yang dikendalikan oleh OCC. Perkembangan ini menunjukkan kemajuan yang nyata dalam pembaharuan pentadbiran.

OCC juga mengambil maklum bahawa Peraturan-Peraturan Kewarganegaraan 1964 yang dipinda dijangka dilaksanakan seiring dengan pelaksanaan pindaan perlembagaan tersebut. Dalam hal ini, OCC menggesa agar Peraturan-Peraturan yang dipinda ini didedahkan kepada umum, prosedur dipermudahkan, dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang jelas diwujudkan bagi memastikan pemohon mendapat maklumat mengenai perkembangan permohonan mereka serta menerima maklum balas bertulis sekiranya permohonan ditolak.

Bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan, OCC menyeru agar satu strategi komunikasi awam yang jelas diwujudkan, termasuk usaha libat urus di seluruh negara, serta latihan menyeluruh kepada pegawai barisan hadapan, khususnya di kedutaan dan perwakilan diplomatik Malaysia di luar negara.

OCC kekal komited untuk bekerjasama dengan Kerajaan bagi memastikan tiada seorang pun kanak-kanak dibiarkan tanpa kewarganegaraan, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan obligasi hak asasi manusia antarabangsa Malaysia.

-TAMAT-

Dr Farah Nini Dusuki

Ketua Pesuruhjaya Kanak-Kanak

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

10 Januari 2026.